



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 22 Tahun 2023

**MENERIMA PAKAI SURAT EDARAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
BERTARIKH 23 MAC 2023
BERKAITAN PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN PAKAIAN ISTIADAT
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada staf Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengenai penerimaan pakai Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 23 Mac 2023 berkaitan Penambahbaikan Kemudahan Pakaian Istiadat Pegawai Perkhidmatan Awam.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan UiTM ke – 91 yang bermesyuarat pada 16 November 2007 : Pekeliling Perkhidmatan Bil. 16 Tahun 2007 mengenai Bayaran Pakaian Istiadat, bantuan Bayaran Pakaian *Black-Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.
- 2.2 Kemudahan Pakaian Istiadat sedia ada diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM), Ceraian Sr.1.2.2 (Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi) kepada Pegawai Perkhidmatan Awam (PPA) yang layak semasa menghadiri upacara rasmi.

- 2.3 Majlis Sumber Manusia Bilangan 75 bertarikh 13 April 2023 memutuskan untuk memperakui dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah Universiti untuk menerima pakai surat Edaran JPA bertarikh 23 Mac 2023 berkaitan Penambahbaikan Kemudahan Pakaian Istiadat Pegawai Perkhidmatan Awam serta cadangan pelaksanaan pada tarikh 1 Januari 2023.
- 2.4 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti ke – 189 pada 17 Mei 2023 telah meluluskan penerimaan pakai Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertarikh 23 Mac 2023 berkaitan Penambahbaikan Kemudahan Pakaian Istiadat Pegawai Perkhidmatan Awam. Tarikh kuat kuasa adalah pada 1 Januari 2023.

3.0 PELAKSANAAN

Pelaksanaan penerimaan pakai Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 23 Mac 2023 berkaitan Penambahbaikan Kemudahan Pakaian Istiadat Pegawai Perkhidmatan Awam di UiTM adalah seperti berikut:

3.1 Terma

“Pakaian Istiadat” ertinya pakaian upacara rasmi yang direka bentuk khas untuk sesuatu perkhidmatan.

3.2 Kadar

Kadar bayaran pakaian istiadat dinaikkan daripada RM1,500.00 kepada RM3,500.00 merangkumi pakaian siang dan pakaian malam.

3.3 Tempoh

Pakaian siang dan malam boleh dituntut bersekali atau berasingan dalam tempoh tiga (3) tahun dan disokong dengan resit.

3.4 Kelayakan

3.4.1 Pegawai Perkhidmatan Awam yang mempunyai Pakaian Istiadat layak diberi Bayaran Pakaian Istiadat dan boleh memilih untuk menggantikannya dengan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.

- 3.4.2 Pegawai Perkhidmatan Awam yang tidak mempunyai Pakaian Istiadat dan dikehendaki menghadiri upacara rasmi untuk menerima bintang atau pingat dalam majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri layak diberi Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.
- 3.4.3 Pasangan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang turut hadir dalam majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri layak diberi Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.
- 3.4.4 Pegawai Perkhidmatan Awam yang dikehendaki memakai Pakaian Istiadat semasa menghadiri upacara rasmi layak diberi Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie*.

Penambahbaikan peraturan ini dilaksanakan melalui MyPPSM, Ceraian Sr.1.2.2 (Bayaran Pakaian Istiadat, bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi) seperti di Lampiran A. Capaian berkaitan boleh dicapai di *link* berikut: (<http://docs.jpa.gov.my/docs/myppsm/PPSM/SR/Kemudahan-Pakaian/>).

4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling dikeluarkan pada 21 Ogos 2023.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2023.



HAJI MUHAMAD NIZAM BIN NOORDIN
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan
Semua Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian
Semua Dekan/ Fakulti/ Akademi/ Institut
Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit
Universiti Teknologi MARA

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 22/2023)